

SUN-GLIZIDE 30 MR TABLET[®]

Gliclazide (30 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Sun-Glizide 30 MR Tablet
2. Bagaimana Sun-Glizide 30 MR Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Sun-Glizide 30 MR Tablet
4. Cara menggunakan Sun-Glizide 30 MR Tablet
5. Semasa menggunakan Sun-Glizide 30 MR Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Sun-Glizide 30 MR Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Sun-Glizide 30 MR Tablet

Ia digunakan dalam rawatan diabetes mellitus/ kencing manis yang tidak bergantung kepada insulin.

Bagaimana Sun-Glizide 30 MR Tablet berfungsi

Bahan aktif yang terkandung di dalam ubat ini ialah *Gliclazide* yang tergolong dalam kumpulan 'sulphonylurea'. Ia merangsang penghasilan insulin oleh sel beta kelenjar pankreas.

Sebelum Mengambil Sun-Glizide 30 MR Tablet

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergi kepada Gliclazide atau bahan-bahan lain yang terkandung di dalam produk ini.
- Jika anda menghidapi penyakit kencing manis yang bergantung kepada insulin.
- Jika anda menghidapi penyakit ketoasidosis kencing manis (apabila sel-sel tidak mendapat glukosa yang mereka perlukan untuk tenaga, badan anda mula membakar lemak untuk tenaga, yang menghasilkan keton).
- Jika anda menghidapi masalah hati
- Jika anda menghidapi penyakit buah pinggang.
- Jika anda mengalami trauma yang teruk atau jangkitan.
- Jika mengandung atau menyusu

Sebelum mula mengambil

Dapatkan nasihat doktor jika anda:-

- Mengandung/Disyaki mengandung.
- Merancang untuk mengandung.
- Menyusu bayi.
- Akan menjalani pembedahan.
- Menghidapi penyakit buah pinggang

Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa jenis ubat yang tidak digalakkan diambil bersama dengan Sun-Glizide 30 MR Tablet. Anda harus memaklumkan doktor dan ahli farmasi anda mengenai ubat yang sedang diambil termasuk ubat yang dibeli di farmasi tanpa preskripsi doktor. Maklumkan doktor dan ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubatan berikut:-

- Penyekat-beta
- Antibiotik
- Kortikosteroid
- Ubat tahan sakit(NSAIDs)
- Antikoagulan

Cara menggunakan Sun-Glizide 30 MR Tablet

Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan ambil lebih atau kurang daripada amaun yang disyorkan.

Dos permulaan untuk pesakit dewasa adalah 30 mg sekali sehari. Dos maksima adalah 120mg sekali sehari.

Bila perlu digunakan

Sun-Glizide 30MR Tablet harus diambil sebaik sebelum makan. Pengambilan tablet perlu diikuti dengan makanan, untuk mengelakkan tercetusnya kemungkinan gangguan pencernaan. Telan ubat dengan air.

Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau dapatkan bantuan kecemasan.

Semasa menggunakan Sun-Glizide 30 MR Tablet

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Sun-Glizide 30 MR Tablet mengikut arahan doktor.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan kongsi ubat anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang dinyatakan.

Kesan-kesan Sampingan

Kesan-kesan sampingan biasa adalah gangguan gastrousus dan hipoglisemia. Simptom hipoglisemia termasuk berpeluh, kelaparan dan lemah badan. Jika teruk, ia akan menyebabkan kekeliruan dan koma.

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan-kesan lain semasa pengambilan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Sun-Glizide 30 MR Tablet

Penyimpanan

Simpan pada suhu dibawah 30°C.

Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan yang berlebihan secara sebarangan. Dapatkan nasihat ahli farmasi anda mengenai cara-cara pelupusan ubat.

SUN-GLIZIDE 30 MR TABLET[®]

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Gliclazide (30 mg)

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk

Bulat, rata, putih atau kelabu putih dan berskor 427 pada satu permukaan sahaja dan ST pada permukaan lain.

Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif

Gliclazide 30 mg

-Bahan tidak aktif

Magnesium stearate, povidone, dibasic calcium phosphate dan polyvinyl alcohol.

Nombor MAL:

MAL11030077A

Pengilang

TAIWAN BIOTECH CO. LTD

22, Chieh-Shou Road, Taoyuan, Taiwan,
R.O.C

Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn Bhd

9, 11 & 17, Jalan Kempas 4,
Taman Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

8/7/2014